

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 31/01/2020

Pelantikan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna



PELANTIKAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

Sukacita saya ingin memaklumkan pelantikan **YBhg. Dato' Hasnol Zam Zam bin Ahmad** sebagai **Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna** berkuatkuasa pada **1 Februari 2020**.

YBhg. Dato' Hasnol Zam Zam bin Ahmad, 53 tahun berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Perancangan Bandar dari Universiti Utah dan Ijazah Sarjana Perancangan Bandar dari Universiti Pennsylvania, Amerika Syarikat. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 28 tahun sejak mula menyertai perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1 Disember 1992.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang perancangan, pengurusan sumber manusia, penyelidikan dan dasar serta pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) di Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Kesihatan. Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri.

Saya percaya dengan pengalaman, pengetahuan dan kredibiliti yang dimiliki oleh YBhg. Dato' Hasnol Zam Zam bin Ahmad mampu meneraju pentadbiran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna dalam merealisasikan hasrat Kementerian menjadi "Caring Ministry" yang memfokuskan kepada perdagangan domestik sebagai tunjang ekonomi berpendapatan tinggi demi kemakmuran Negara.

MOHD ZUKI BIN ALI
31 Januari 2020
6 Jamadil Akhir 1441

Hakcipta Terpelihara © 2018 Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/media/releases/9>